

# Transformasi Sistem Pendidikan Pondok Dalam Memartabatkan Pengajian Kitab Kuning Di Malaysia<sup>1</sup>

**Solahuddin bin Ismail**

[solahuddin@uum.edu.my](mailto:solahuddin@uum.edu.my)

**Mohd Nizho bin Abdul Rahman**

[nizho@uum.edu.my](mailto:nizho@uum.edu.my)

## Abstrak

*Globalisasi yang melanda dunia kini berkehendakkan masyarakat melakukan perubahan. Hal ini termasuklah perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Ia sangat bertepatan dengan ajaran Islam yang mudah dan berubah mengikut peredaran zaman. Perubahan ini lebih bersifat teknikal tanpa merosakkan teras atau asas Islam itu sendiri. Transformasi di dalam sistem pendidikan pondok melalui pengajian kitab kuning sebenarnya telah berjaya mengangkat dua perkara iaitu ilmu yang terkandung di dalam kitab tersebut berjaya dimartabatkan sesuaian dengan kedudukannya dan kedua ialah pengiktirafan kepada pengarang kitab yang telah membuktikan ketinggian dan keserjanaan mereka. Penggunaan media elektronik menjadikan ilmu kitab kuning berjaya disampaikan kepada masyarakat tanpa mengira sempadan. Ia seterusnya diperkukuhkan dengan aktiviti penterjemahan kitab kuning supaya setiap lapisan masyarakat dapat mengambil faedah dari karya tersebut. Manfaat ini menjadikan Islam yang dibina sejak dahulu telah membawa rahmat ke seluruh alam.*

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di 23<sup>rd</sup> Conference of the Internasional Association of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014) di Hotel Tabung Haji Kepala Batas Alor Setar pada 23-27 Ogos 2014.

## **Pendahuluan**

Sistem pendidikan pondok merupakan sistem pendidikan formal Islam terawal yang mula diperkenalkan di Alam Melayu. Ia diwujudkan untuk memenuhi tuntutan masyarakat Islam yang masih memerlukan bimbingan yang sempurna dan mendalam terutama hal yang berkaitan dengan akidah dan ibadah. Peringkat pertama, pendidikan Islam tidak formal hanya dapat dipelajari di surau, masjid dan juga rumah alim ulama (Abdullah Ishak, 1992:178-179). Sambutan yang menggalakan untuk masyarakat lebih mendalami ilmu-ilmu Islam menyebabkan rumah guru terpaksa diperluaskan malah dibina juga disekitarnya rumah-rumah kecil yang dikenali sebagai pondok untuk menyelesaikan masalah kediaman pelajar khususnya yang datang dari tempat yang jauh. Suasana ini telah melahirkan satu bentuk sistem pengajian baru yang terkenal dengan gelaran sistem pendidikan pondok.

Dalam menghadapi cabaran semasa serta memenuhi tuntutan globalisasi, sistem pendidikan pondok secara terpaksa turut berubah agar selari dengan tuntutan zaman moden. Keperluannya juga harus menepati hasrat hati masyarakat yang pada masa kini sangat terdedah dengan kecanggihan teknologi. Dengan demikian, sistem pendidikan pondok juga harus melakukan transformasi agar ia sentiasa selari dengan permintaan masyarakat. Justeru, kertas ini akan menghuraikan bentuk transformasi yang berlaku di dalam sistem pendidikan pondok sehingga menyebabkan ia masih mendapat sokongan yang tinggi di kalangan pelbagai lapisan masyarakat Islam di Malaysia.

## **Sistem Pendidikan Pondok**

Abad ke 18M terutamanya menyaksikan Islam terus berkembang dan pesat diamalkan di Tanah Melayu. Pasaran pendidikan Islam bertambah maju dan mendapat permintaan yang tinggi dari kalangan masyarakat Islam. Peringkat awal sistem pendidikan Islam bermula di surau, istana, rumah, masjid dan juga madrasah (*musolla-balaisah*) (Abdullah Alwi Haji Hassan 1980:192). Ia hanya mengajar ilmu-ilmu Islam secara tidak formal. Ruang atau tempat pengajian yang sempit dan sangat terhad tidak lagi berupaya untuk menampung bilangan atau jumlah pelajar yang ramai terutamanya yang datang dari jauh (Abdullah Jusuh, 1990; 8). Justeru, ulama dan intelektual Melayu mula memikirkan kaedah yang terbaik untuk mengembangkan dan menaik taraf sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu. Mereka melatakan tiga perkara asas yang perlu wujud dalam sistem pendidikan ini.

1. Sistem yang lebih efisien dengan kaedah pengajian formal dan tersusun.
2. Ruang dan tempat yang luas sebagai kelas pengajian yang mampu menampung bilangan pelajar yang ramai dalam sesuatu masa.

3. Ia mestilah mempunyai kemudahan tempat penginapan khususnya untuk keselesaan pelajar yang datang sama ada dari tempat yang jauh atau dekat yang menginginkan tempat berteduh.

Idea tersebut telah membentuk satu pandangan bahawa sistem pendidikan Islam seharusnya mempunyai satu kawasan pengajian Islam yang lengkap dengan ciri-ciri yang tersebut di atas. Jalinan ketiga-tiga ciri tersebut telah digabungkan untuk membentuk satu sistem pendidikan formal yang sehingga hari ini terkenal dengan nama sistem pendidikan pondok atau sistem pendidikan tradisional Islam.

Sistem ini merupakan sebuah institusi pendidikan yang formal. Ia buat pertama kali dilaksanakan serta diperkenalkan di Tanah Melayu sekitar abad ke 18M. Kelas pengajian, rumah guru dan tempat tinggal pelajar digabungkan di satu kawasan secara bersama bagi memudahkan guru dan pelajar mengurus sesi pembelajaran mereka. Kelahiran sistem pendidikan pondok tercetus akibat dari keghairahan masyarakat Islam setempat atau yang datang dari jauh untuk menambah ilmu pengetahuan. Dengan demikian, ia semestinya mempunyai satu kawasan yang agak luas sebagai penempatan pelajar dan juga ruang yang selesa untuk belajar. Kawasan yang dijadikan tempat pembelajaran kebiasaannya dimiliki pengasas pondok. Ia juga berkemungkinan merupakan tanah wakaf sama ada khusus untuk tujuan pendidikan atau untuk tujuan umum pembangunan dan kemaslahatan masyarakat Islam. Ini sebagai bukti nyata bahawa kerjasama dan sokongan masyarakat Islam setempat juga turut menyumbang serta menghulurkan bantuan dalam menyemarakkan perkembangan Islam di kawasan tersebut. Bantuan dalam bentuk tenaga kerja dan dana material telah menjadikan sistem pendidikan pondok terus subur bercambah di Tanah Melayu. Amanah ini menjadi tanggungjawab besar bagi guru dalam memperkukuhkan ajaran Islam ke atas masyarakat.

Populariti sesebuah pondok sangat bergantung kepada kemasyhuran seseorang guru yang menguasai sesuatu disiplin ilmu Islam. Nilai keserjanaan yang dimiliki guru merujuk kepada ketinggian ilmu yang mereka miliki serta kemampuan mereka membahaskan secara mendalam ilmu yang dimiliki. Contohnya, guru yang alim di dalam bidang tasawuf, fekah, ilmu kalam atau pun bidang tatabahasa khususnya bahasa Arab. Pelajar akan mencari sistem pendidikan pondok berasaskan kemasyhuran tersebut (Fauziah Shaffie, 2001; 127). Aspek di atas menjadi faktor utama untuk menarik pelajar datang belajar dengan seseorang guru. Sebagai contoh, Pondok Bohor di Alor Setar Kedah misalnya mempunyai lebih dari 300 buah (Abdullah Ishak, 1995:196). Sistem pendidikan pondok boleh diumpamakan sebagai sebuah fakulti di universiti yang menumpukan pengajian berasaskan kepakaran ilmu dalam sesuatu bidang tertentu dan ketinggian ilmu itu adalah milik guru yang ada di pusat pengajian tersebut. Cuma sedikit perbezaan mungkin ialah universiti mempunyai ramai guru yang mengajar mengikut kepakaran masing-masing sedangkan sistem pondok hanya mempunyai seorang guru yang mengajar pelbagai disiplin ilmu.

Sistem pendidikan pondok juga tidak mengenakan sebarang bayaran sebagai yuran pengajian kepada penuntutnya. Sistem pendidikan percuma sebenarnya telah lama diamalkan di dalam sistem pendidikan Islam. Cuma pada peringkat awal, pelajar dikehendaki membeli pondok yang akan didiami dan seterusnya akan diwakafkan setelah mereka tamat belajar. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengurus dan menyelenggara sendiri pondok yang mereka miliki. Manakala wang pembelian pondok tersebut akan digunakan untuk kerja penyenggaraan bangunan utama di kawasan pondok dan sebahagian kecilnya menjadi saguhati kepada guru yang mengajar. Manakala guru pula tidak dibayar gaji seperti institusi pendidikan lain. Pendapatan mereka adalah dari hasil kebun atau sawah dimiliki secara persendirian atau pun diwakafkan oleh orang ramai. Selain itu, terdapat juga sumbangan lain hasil dari perkhidmatan keagamaan seperti syarahan agama, sembahyang jenazah, dan sebagainya serta hasil dari kutipan

derma, sedekah atau pemberian zakat. Sebelum wujudnya penguatkuasaan kutipan zakat oleh Jabatan Agama, hasil zakat dikuasai oleh guru-guru pondok (Awang Had Salleh, 1977) kerana mereka termasuk dalam golongan asnaf *fi sibiliLlah* (berjuang di jalan Allah) yang layak menerima zakat. Sumber pendapatan inilah yang digunakan oleh guru untuk menyara kehidupan harian keluarga, mengurus serta menyelenggara kawasan pondok.

Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian mereka di pondok tidak diberi sijil sebagai tanda mereka menamatkan pengajian. Mereka hanya dibekalkan dengan ilmu pengetahuan. Tahap dan kemampuan ilmu yang dimiliki memberi lesen untuk pelajar melanjutkan pengajian di tempat lain terutama di Hijaz (Mekah dan Madinah). Ia sebagai usaha untuk melayakkan diri menjadi seorang ulama (Mohammad Redzuan Othman, 2005; 63). Ini menunjukkan adanya kesinambungan ilmu secara berterusan terutama ke arah mendalami ilmu yang dipelajari dari kitab-kitab karangan ulama Tanah Arab. Sebagai contoh, pada akhir abad ke 17M, Sheikh Abdul Malik Abdullah dari Terengganu telah menyambung pengajian di Mekah setelah lama menuntut di Aceh. Begitu juga dengan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Sheikh Nawawi al-Bantani dan Sheikh Daud al-Fatani. Mereka bukan sahaja belajar di Mekah tetapi juga diberi pengiktirafan untuk mengajar di Masjid al-Haram Mekah (Mohammad Redzuan Othman, 2005; 64) serta bermastautin lama di sana. Inilah lambang ketinggian ilmu dan keserjanaan yang dimiliki oleh ulama pondok. Mereka tidak hanya terkenal di Alam Melayu tetapi juga diperingkat antarabangsa. Tumpuan lepasan pengajian pondok berhijrah Hijaz setelah tamat pengajian mereka di Alam Melayu kerana menginginkan keberkatan silsilah guruyang mewarisi ilmu hingga sampai ke Rasulullah s.a.w. di samping Hijaz sebagai tempat pengajian yang tersohor dalam dunia Islam.

Sistem pendidikan pondok mengalami pasang surutnya. Ia menghadapi zaman kesukaran apabila muncul sekolah atau madrasah agama yang melaksanakan corak pengajian yang lebih sistematik dan tersusun. Suatu sistem baru dalam pendidikan Islam yang mengikut struktur dan gaya penjajah British. Kemunculan sistem baru ini telah menyebabkan sistem pendidikan pondok kurang diminati kerana ia tidak menawarkan nilai ekonomi kepada pelajarnya. Namun begitu, terdapat beberapa negeri seperti Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu hingga ke hari ini masih lagi mempertahankan sistem pendidikan pondok. Ia kekal bertahan kerana wujud segelintir masyarakat yang masih mempercayai bahawa sistem pendidikan pondok berupaya untuk membentuk kekuatan insaniah di dalam diri pelajarnya. Cabaran dan persaingan yang sihat ini menjadikan sistem pendidikan pondok telah berubah mengikut suasana moden. Ia telah melakukan transformasi terutama dari aspek penyampaian dan penggunaan media agar ilmu tradisional itu terus kekal dan mampu disampaikan kepada masyarakat dengan lebih sempurna.

### **Pengajian Kitab Kuning**

Suatu hal yang tidak dapat dipinggirkan apabila membahaskan sistem pendidikan pondok ialah pengajian kitab kuning. Pengajian kitab ini juga dikenali sebagai pengajian kitab turath ataupun pengajian kitab tradisional/lama. Kitab-kitab yang digunakan merujuk kepada kitab karangan ulama silam yang muktabar. Ia boleh dibahagikan kepada dua bentuk kitab. Pertama; kitab karangan ulama Alam Melayu seperti *Munyatul Musalli* karangan Sheikh Daud al-Fatani, *Faridatul Faraid* karangan Sheikh Ahmad al-Fatani, *Unwanul Falah* karangan Sheikh Ahmad al-Fatani, *Tashilu Nailil Amani fi Syarhi Awam al-Jurjani*

karangan Sheikh Ahmad al-Fatani, Risalah Nahu dan Sarof karangan Sheikh Ahmad al-Fatani dan banyak lagi. Kedua; kitab karangan ulama Tanah Arab seperti *Fath al-Bari* karangan Ibnu Hajar al-Asqalani, *Ihya Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali, *Matan Arbain* karangan Imam an-Nawawi, *Kitab al-Hikam* karangan Ibn Ataillah as-Sakandari, *al-Risalah* karangan Imam al-Syafie, *Lubb al-Usul* karangan Sheikh Zakaria al-Ansari, (<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam>) *Tafsir Jalalain* karangan Imam al-Suyuthi dan sebagainya. Kitab-kitab ini menjadi pilihan bagi sistem pendidikan pondok untuk ditelaah dan diperbahaskan secara mendalam (detail dan terperinci) agar ilmu yang ada dapat diteliti dan dikuasai sebaiknya. Justeru, pengajian kitab kuning ini menjurus kepada perbahasan dari kulit ke kulit agar ilmu yang diperolehi itu difahami secara mendalam di samping mendapat keberkatan ke atas ilmu yang dipelajari. Ia bukannya corak pengajian yang mengambil bahagian yang tertentu di dalam kitab seperti yang berlaku dalam kebanyakan pengajian pada masa kini.

Corak pengajian ini dinamakan dengan pengajian kitab kuning adalah kerana kitab tersebut pada peringkat awalnya telah dicetak di atas kertas berwarna kuning. Dengan demikian kitab-kitab ini lebih dikenali atau digelar sebagai kitab kuning. Ia ditulis menggunakan tulisan Arab atau Jawi yang tidak diletakkan tanda bacaan dan tidak menggunakan harakat seperti mana al-Quran. Kertas yang digunakan adalah dari kualiti yang rendah dan ia dicetak dalam bentuk lebar tanpa dijilid. Ia bertujuan untuk memudahkan pelajar membawa hanya bahagian yang hanya ingin dipelajari tanpa perlu membawa keseluruhan kitab tersebut. Kebanyakan kitab kuning ditulis secara bersambungan dari awal hingga akhir tanpa ada paragraph. Keseluruhan ruang pada setiap muka surat dimanfaatkan untuk tulisan (<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam>) dan ia meninggalkan hanya sedikit di bahagian tepi di kiri dan kanan serta di bahagian atas dan bawah untuk pelajar menulis isi yang sukar difahami, contoh yang diberikan guru atau jawapan yang secara terperinci yang dijawab oleh guru. Tambahan tulisan ini dikenali sebagai *dhabit*.

Kitab kuning juga boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kitab yang membahaskan isi kandungan atau ilmunya secara naratif. Kebiasaan bentuk ini terdapat di dalam kitab *sirah* (sejarah), tafsir, hadis dan sebagainya. Penulisan dalam bentuk cerita melalui riwayat tertentu akan lebih memperkukuhkan lagi perbahasan. Kedua ialah kitab yang membincangkan kaedah-kaedah khusus yang terdapat di dalam disiplin keimuan tertentu seperti *usul al-fiqh*, *usul al-tafsir*, *ulum al-hadis*, *nawu wa al-arfu* (tatabahasa) dan sebagainya. Pelajar perlu memahami terlebih dahulu kaedah tertentu di dalam ilmu yang mereka pelajari supaya semua persoalan yang wujud dapat diselesaikan. Dua bentuk kitab ini menjadi sandaran oleh guru-guru di dalam sistem pengajian pondok untuk diketengah sebagai bahan perbincangan ke atas pelajar mereka. Ia diperbincangkan secara teliti dan terperinci tanpa diikat kepada jangka waktu yang tertentu. Penulisan kitab kuning ini juga turut memperlihatkan kreativiti pengarangnya (<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam>). Terdapat tujuh perkara yang menjadi asas atau dasar kepada penulisannya iaitu:

- a. Pengarang mengemukakan idea atau pandangan baru yang belum lagi diketengahkan oleh kitab sedia ada sebelumnya.
- b. Pengarang memantapkan atau memperkukuhkan kitab sedia ada. Ia bertujuan untuk memberi kesempurnaan kepada disiplin ilmu tersebut.
- c. Pengarang mengembangkan dengan lebih jelas dan terperinci kandungan kitab yang sedia ada. Ia digelar kitab *syarah*.
- d. Pengarang meringkaskan karangan pengarang sebelumnya yang terlalu tebal atau banyak. Kitab jenis ini lebih dikenali sebagai kitab *mukhtasar*.
- e. Pengarang mengutip pandangan ulama dari kitab lain tentang sesuatu persoalan atau perbahasan ilmu.
- f. Pengarang mengemaskini, memberi nilai tambah baru serta membentuk susunan yang lebih sistematik berkaitan sesuatu ilmu yang telah ada di dalam kitab-kitab lain.
- g. Pengarang memberi kritikan serta memperbetulkan isi kandungan kitab lain yang pada pandangan mereka tersasar dari maksud ilmu yang sebenar.

Kitab kuning ini kebiasaannya dipelajari oleh mereka yang berada di dalam sistem pengajian pondok. Pengajian secara mendalam ini terbahagi kepada dua cara iaitu secara personal atau persendirian dengan guru dan secara berkumpulan (<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam>). Cara personal menuntut pelajar mengadap guru dengan membawa kitab tertentu. Mereka diajar beberapa baris perkataan atau ayat oleh guru tersebut untuk dihafal atau difahami. Ia dilakukan secara bergilir dengan pelajar lain dan hanya dilakukan di peringkat awal pengajian. Cara masih lagi terdapat di kebanyakan pesantren di Indonesia. Kedua adalah cara pembelajaran secara beramai-ramai. Ia dinamakan sebagai cara *halaqah (circle system)* atau cara *umumi* (Wan Yahya Wan Ahmad, 1994:146, Abasri, 2007: 287). Pelajar akan duduk secara beramai-ramai di hadapan guru yang mengajar. Ilmu disampaikan secara teliti dan kebiasaannya kitab-kitab besar seperti *Fath al-Bari*, *Ihya Ulumuddin*, *al-Hikam*, *Tafsir Jalalain*, *Bahr al-Mazi* dan sebagainya akan digunakan sebagai bahan pengajian. Ilmu disampaikan secara umum kepada pelajar. Jika mereka tidak memahami perbahasan, pelajar akan merujuk kepada pelajar senior yang dikenali sebagai *kepala telaah* bagi menghuraikan persoalan yang berbangkit dari pengajaran umum guru

mereka.

Kitab kuning pada masa kini begitu sinonim dengan sistem pendidikan pondok. Namun begitu ia juga mendapat permintaan yang tinggi di kalangan masyarakat di luar daripada sistem berkenaan. Sambutan yang menggalakkan dari masyarakat umum menjadikan pengajian kitab kuning tersebar dengan begitu meluas di segenap lapisan masyarakat. Ia bukan sekadar diajar di pondok tetapi juga dapat dipelajari di suarau, masjid malahan media elektronik juga telah memberi ruang kepada pengajian kitab kuning untuk diwacanakan kepada khalayak ramai. Sambutan yang memberangsangkan ini merupakan salah satu bentuk transformasi yang telah dibuat dan wujud secara jelas sebagai satu usaha untuk mengangkat sistem pendidikan pondok ke tempat yang selayaknya di dalam dunia yang serba moden ini.

## **Bentuk Transformasi Sistem Pendidikan Pondok**

Menghadapi dunia moden masa kini menyebabkan sistem pendidikan pondok tidak terlepas dari mengharungi cabarannya. Ia perlu ditangani dengan bijaksana agar ilmu kitab kuning dapat diperluaskan ruang pengajiannya bukan tersimpan sebagai hiasan di dalam almari cantik semata-mata. Perubahan harus dilakukan agar intipati kitab inidapat digali dengan mendalam bagi manfaat diri dan masyarakat. Justeru, untuk merealisasikan transformasi ini perlu merujuk kepada dua perkara iaitu apa perubahan yang perlu dilakukan? dan apa perkara yang harus dikekalkan?. Perkara ini perlu diteliti agar sistem pendidikan pondok tidak tercemar dengan elemen-elemen negatif yang boleh merosakkan nilai sebenar yang wujud pada institusi tersebut.

Jaringan ilmu yang semakin melebar sedikit sebanyak meletakkan sistem pendidikan pondok dalam keadaan dilemma. Mereka perlu keluar dari kepompong dan keselesaan yang sedia ada dan membuat perubahan tanpa menghilangkan asas tradisional zaman silam. Mereka tidak lagi boleh terperuk di persekitaran pondok sahaja dengan membiarkan fenomena teknologi moden menenggelamkan idealisme yang dibawa. Oleh yang demikian, sistem pendidikan pon dengan kitab kuningnya harus diberi nilai tambah agar teknologi semasa dapat dimanfaatkan untuk mengangkat martabat pengajian kitab kuning.

Untuk berdepan dengan cabaran semasa, sistem pendidikan pondok perlu melakukan transformasi ke atas beberapa perkara. Antaranya ialah merubah cara penyampaian supaya pengisian ke atas pengajian kitab kuning nampak lebih betenaga dan mampu menarik minat khalayak untuk mengikutinya. Tanpa meninggalkan kaedah tradisi, ilmu kitab kuning harus diperkayakan dan diperluaskan dengan menggunakan kecanggihan teknologi semasa. Contohnya, penggunaan media elektronik seumpama radio, television serta internet. Hal ini telah dilakukan oleh Radio dan Television Malaysia (RTM), Radio IKIM, TV al-Hijrah dan sebagainya. Manakala internet juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan syarahan kitab kuning melalui YouTube.com seumpama kuliah yang disampaikan oleh Tuan Guru Haji Ismail Sepanjang dari Wilayah Pattani Thailand. Penggunaan media elektronik secara cekap telah memberi kesan positif di dalam menyebar luaskan pengajian kitab kuning ke pengetahuan masyarakat ramai.

Selain itu, perubahan pengajian kitab kuning juga telah berjaya dikembangkan melalui penterjemahan atau alih bahasa (Abdullah Ishak, 1992:152) sama ada dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu atau dari tulisan jawi lama ke tulisan rumi moden. Gerakan penterjemahan telah giat dilakukan oleh cerdik pandai Melayu dengan menggunakan bahasa yang mudah dan senang untuk difahami. Ini lebih menarik masyarakat Islam untuk meneliti dan mendalami kitab berkenaan kerana mereka sangat selesa dengan

bahasa yang mudah dan senang difahami. Antara penterjemah yang aktif menterjemah kitab kuning ialah Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri (*Syarah al-Hikam*), Dato Abu Hasan Din al-Hafiz (*Furu' al-Masail*), Ustaz Fahmi Zamzam (*Bidayatul Hidayah*) dan banyak lagi yang diberi nilai tambah baru dari aspek penyempaan gaya penulisan mudah, kualiti cetakan yang baik serta kertas yang bermutu. Transformasi sebegini telah mengangkat martabat kitab kuning menerusi ilmu yang terkandung di dalamnya agar dapat dipelajari dan diamalkan oleh masyarakat ramai tanpa perlu belajar secara langsung melalui sistem pendidikan pondok.

Dari satu aspek yang lain, sistem pendidikan pondok sebenarnya telah mengembalikan kegemilangan pengajian kitab kuning seperti yang berlaku sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan. Olahan dalam bentuk moden yang diperkayakan dengan asimilasi teknologi baru hanya berubah dari sudut teknikal sahaja. Matlamat utama seperti isi kandungan serta ilmu yang terkandung didalam kitab tersebut masih lagi sempurna tanpa pengubahsuaian yang boleh merosakkan nilai keilmuannya. Keaslian bahan ilmu yang terkandung di dalam kitab kuning sentiasa dipelihara dengan baik walaupun melalui proses inovasi moden khususnya semasa penterjemahan dilakukan. Proses ini menjadikan kitab kuning tidak hanya digunakan oleh golongan pendidikan pondok sahaja tetapi telah tersebar dan dibaca oleh kebanyakan umat Islam yang dahagakan ilmu pengetahuan. Dengan pengejalan kandungan yang dipermudahkan dalam bentuk bahasa yang senang difahami menjadikan kitab kuning lebih bernilai dan bermanfaat kepada masyarakat.

Hal yang sama juga turut terkesan apabila kitab kuning diperbahaskan secara terbuka di hadapan khalayak melalui media elektronik. Martabat ilmu dapat diangkat ke tempat yang sewajarnya apabila masyarakat mula mengenalinya. Demikian juga pengarang kitab tersebut dapat dimasyhurkan sejajar dengan ketinggian ilmu yang terdapat di dalam tulisan atau karangan mereka. Ketinggian ilmu dan kehebatan ulama Alam Melayu telah berjaya dipertahankan dengan adanya kemajuan teknologi moden. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa Islam tanpa perlu mengubah sari patinya mampu berasimilasi dengan kemajuan dunia yang serba moden. Dengan demikian, pengajian kitab kuning melalui sistem pendidikan pondok secara tidak langsung berjaya ditransformasikan apabila ia membentuk gagasan baru yang terkeluar dari kepompong tradisional tanpa merubah matlamat dan objektif perjalanan sistem tersebut.

## **Penutup**

Sistem pendidikan pondok masih kekal dengan unsur tradisinya hingga ka hari ini. Arus permodenan semasa yang melanda dunia telah berjaya diurus dengan sempurna oleh sistem ini kerana permintaan ke atas pengajian kitab kuning masih mendapat sambutan malah dinobatkan sebagai salah satu bentuk pengajian Islam yang menjadi pilihan masyarakat Islam kini. Proses transformasi yang berlaku ke atas



sistem dan pengajian tersebut bukanlah sesuatu yang merosakkan malah memberi kelebihan untuk ia lebih dikenali di dalam masyarakat. Pembaharuan yang dilakukan banyak memberi impak positif kerana ia telah diiktiraf oleh seluruh masyarakat Islam walaupun berlaku beberapa perubahan dan pengubahsuaian sama ada ke atas sistem dan kitab yang digunakan.

## **RUJUKAN**

Abasri, *Sejarah Dinamika Lembaga-Lembaga Pendidikan Islam di Nusantara* dalam H. Samsul Nizar, editor, 2007, **Sejarah Pendidikan Islam; Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia**, Jakarta: Kencana Prenada Media.

Abdullah Alwi Haji Hassan, *The Development of Islamic Education In Kelantan*, dalam **Tamadun Islam di Malaysia**, 1980, KL: Persatuan Sejarah Malaysia.

Abdullah Ishak, 1995, **Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia**, KL; Dewan Bahasa dan Pustaka

Abdullah Ishak, 1992, **Islam di India, Nusantara dan China**, KL; Nurin Enterprise.

Abdullah Jusuh, 1989, **Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia**, KL; Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Had Salleh, *Institusi Pondok di Malaysia* dalam Zainal Kling, 1977, **Masyarakat Melayu; Antara Tradisi dan Perubahan**, KL; Utusan Publisher and Distributors.

Fauziah Shaffie, *Institusi Pondok di Malaysia; Satu Sorotan Dari Perspektif Sejarah* dalam **Jurnal Pembangunan Sosial**, Jil 2, 2001, Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Mohammad Redzuan Othman, 2005, **Islam dan Masyarakat Melayu; Peranan dan Pengaruh Timur Tengah**, KL; Penerbit Universiti Malaya.

Wan Yahya Wan Ahmad, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Zaman Awal* dalam **MEDIUM Jurnal Akademi Islam Universiti Malaya**, bil III, Jun 1994.

<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/14/02/23/n1fw2m-kitab-kuning-dan-khazanah-keilmuannya>